



02 JUL, 2025

Kelantan hargai bantuan RM6.6j

Harian Metro, Malaysia



BAIK PULIH CERUN RUNTUH LRA BUKIT REMAH

Kelantan hargai bantuan RM6.6j

Kota Bharu: Kelantan menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan susulan kelulusan peruntukan bernilai RM6.6 juta bagi membaiki pulih cerun runtuh di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Remah, Tanah Merah.

Menteri Besar, Datuk Mohd Nassuruddin Daud berkata, insiden itu berlaku pada 26 November ta-

hun lalu akibat hujan lebat sehingga menyebabkan berlaku pergerakan tanah sepanjang 130 meter dan mengakibatkan kerosakan struktur cerucuk keping di LRA berkenaan.

Beliau berkata, antara kerosakan lain yang terjejas termasuk paip air mentah dan terawat pecah serta mengancam bangunan penting seperti bilik

klorin, tangki bahan kimia dan sub stesen Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Kerajaan Kelantan sekali lagi membuktikan komitmen terhadap kebajikan rakyat apabila bertindak pantas mengemukakan permohonan kepada kerajaan Persekutuan bagi menangani insiden cerun runtuh di LRA Bukit Remah, Tanah Merah,” katanya.